

TADBIR URUS INSTITUSI ZAKAT DI PULAU PINANG: PERANAN DAN SUMBANGAN TERHADAP EKONOMI GOLONGAN ASNAF DI PULAU PINANG

Mohammad Najwa Mohamed Hasbullah¹ & Hamzan Harun²

¹ Jabatan Perdagangan, Politeknik Seberang Perai, Jalan Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, Malaysia.

² Jabatan Perdagangan, Politeknik Seberang Perai, Jalan Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, Malaysia.

Corresponding Author: Mohammad Najwa bin Mohamed Hasbullah. Jabatan Perdagangan, Politeknik Seberang Perai, Jalan Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, Malaysia. Email: mohdnajwa16@gmail.com

Abstrak

Institusi zakat merupakan sebuah badan pengurus zakat yang dilantik oleh pemerintah Islam bagi sesebuah negeri atau negara bertujuan mentadbir urus kutipan dan agihan zakat serta segala yang berkaitan dengan asnaf. Pengurusan zakat di Malaysia adalah terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan atau Raja. Bagi negeri-negeri yang mempunyai sultan atau raja seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan lain-lain, pengurusan dan pentadbiran zakat dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan pentadbiran kerajaan negeri masing-masing sebagai wakil sultan atau raja. Manakala bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai sultan atau raja seperti Melaka, Sabah, Serawak dan Pulau Pinang, pengurusan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong (SPBA). Walaupun begitu, bagi negeri Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah dan Pulau Pinang, pengurusan dan pentadbirannya dilaksanakan oleh institusi zakat korporat. Daripada keseluruhan negeri tersebut, pengurusan dan pentadbiran institusi zakat di Pulau Pinang mempunyai keunikannya tersendiri kerana pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang diketuai oleh bukan Muslim. Persoalannya, bagaimanakah tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang di bawah kerajaan negeri yang diketuai oleh bukan Muslim? Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berperanan dalam menentukan hala tuju tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang? Apakah peranan dan sumbangan institusi zakat di Pulau Pinang dalam membangunkan ekonomi dan politik golongan asnaf di Pulau Pinang dari segi ekonomi, pendidikan, kebajikan dan sosial. Berdasarkan persoalan tersebut, maka kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang, peranan dan sumbangannya terhadap ekonomi golongan asnaf di Pulau Pinang. kajian ini dilakukan dengan

menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu pertama, kaedah kajian dokumentasi; dan kedua, kaedah temu bual. Data-data yang dikumpul itu kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tekstual dan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian merumuskan tiga perkara iaitu pertama, pengurusan dan pentadbiran institusi zakat di Pulau Pinang adalah di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP). Kedua, Zakat Pulau Pinang (ZPP) merupakan sebuah institusi yang ditubuhkan oleh MAINPP untuk mentadbir urus kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang. Walaupun penubuhan ZPP adalah sebagai sebuah syarikat Sdn. Bhd., namun ZPP masih lagi di bawah pemantauan MAINPP dan EXCO Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Ketiga, tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang berperanan dalam meningkatkan ekonomi golongan asnaf di Pulau Pinang khususnya dalam bidang pendidikan, kemahiran, kebajikan, kesihatan dan sosial.

Kata kunci: *Tadbir Urus, Institusi Zakat di Pulau Pinang dan Ekonomi Golongan Asnaf di Pulau Pinang*

(GOVERNANCE OF ZAKAT INSTITUTION IN PENANG: ROLES AND CONTRIBUTIONS TO THE ECONOMY OF THE ASNAF IN PENANG)

Abstract

Zakat institution is a body that manages *zakat*, appointed by Islamic government of a state or country to manage and administer the collection and distribution of *zakat*, as well as any matters pertaining to those in need. In Malaysia, *zakat* management is under the authority and responsibility of *Duli Yang Maha Mulia* (DYMM) *Sultan* or *Raja*. There are states which constitutionally headed by *sultan* or *raja*, for example, Kelantan, Terengganu, Pahang, and Kedah; the management and administration of *zakat* are carried out by State Islamic Religious Council (MAIN) and the state government administration will be the representative of *sultan* or *raja*. While for the states that are not led by *sultan* or *raja*, such as Malacca, Sabah, Sarawak and Penang, *zakat* management is under the responsibility of *Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong* (SPBA). Even so, in some states like Malacca, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah and Penang, the management and administration of *zakat* are carried out by the corporate zakat institution. In Penang however, the management and administration of *zakat* institution are unique due to the government belongs to non-Muslim. The question is, how the governance of *zakat* institution in Penang is implemented? What are the role and contribution of *zakat* institution in Penang in developing the economy and politics of the *asnaf* people in Penang in terms of economy, education, welfare and social? Based on the problem statement, this study was carried out to identify and analyse the governance of *zakat* institutions in Penang; their roles and contributions. This study implemented two types of data collection; first, document study method; and second, interview method. The collected data were then analysed using textual analysis method. Three

conclusions could be drawn out based on the analyses. Firstly, the management and administration of zakat institutions in Penang is under the responsibility of the Islamic Religious Council of Penang (MAINPP). Secondly, Zakat Pulau Pinang (ZPP) is an institution established by MAINPP to administer the collection and distribution of zakat in Penang. Although ZPP is established as a Sdn. Bhd. (private) company, it is still under the supervision of MAINPP and Penang Islamic Religious Affairs EXCO. Thirdly, the governance of zakat institution in Penang plays the role in improving the economy and politics of the *asnaf* group in Penang, especially in the field of education, skills, welfare, health and social.

Keywords: *Administration, Zakat Institution in Penang and The Economy of Asnaf Group in Penang*

Received: October 27, 2022

Accepted: December 25, 2022

Online Published: December 30, 2022

1. Pendahuluan

Secara umumnya, institusi zakat merujuk kepada institusi Islam yang bertanggungjawab menguruskan kewangan masyarakat Islam terutama berkaitan dengan kutipan dan agihan zakat kepada *asnaf* untuk tujuan meningkatkan taraf kehidupan *asnaf*. Menurut Mujaini Tarimin (2006), institusi zakat merupakan institusi yang dilantik oleh kerajaan yang memerintah dalam sesebuah kerajaan Islam dan bertanggungjawab mengutip dan mengagihkan dana zakat kepada *asnaf* yang telah ditentukan dalam al-Qur'an dan Hadith serta ijtihad ulama. Shofian Ahmad dan Luqman Mahadi (2013) pula mendefinisikan institusi zakat sebagai wakil pemerintah untuk menguruskan segala urusan yang berkaitan dengan zakat iaitu mengumpul dan mengagihkan zakat kepada *asnaf*.

Di sesetengah negeri di Malaysia, pengurusan dan pentadbiran institusi zakat dilaksanakan oleh MAIN dan pentadbiran kerajaan negeri masing-masing sebagai wakil kepada DYMM Sultan atau Raja. Namun begitu, isu mengenai institusi zakat di Pulau Pinang lebih kompleks kerana pengurusan dan pentadbiran pada peringkat kerajaan negeri adalah diketuai oleh golongan bukan Muslim. Oleh yang demikian, kertas kerja ini berhasrat untuk meneliti tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri yang diketuai bukan Muslim, peranan dan sumbangan institusi zakat di Pulau Pinang dalam membangunkan ekonomi golongan *asnaf* di Pulau Pinang dari segi ekonomi, pendidikan, kebajikan dan sosial. Dengan menggunakan kaedah kajian dokumentasi dan kaedah temu bual separa berstruktur, maklumat berkaitan tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang, strategi ekonomi dan politik dalam tadbir urus zakat di Pulau Pinang, peranan dan sumbangannya dikumpul dan disusun. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tekstual dan kaedah analisis kandungan. Perbincangan dalam kertas kerja ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama, pendahuluan. Bahagian kedua, metodologi. Bahagian ketiga, dapatan dan perbincangan. Bahagian keempat, kesimpulan.

2. Metodologi

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu pertama, kaedah kajian dokumentasi dan kedua, kaedah temu bual. Dokumen yang digunakan sebagai data kajian ialah melibatkan penulisan-penulisan yang berbentuk artikel, buku-buku, laporan-laporan dan apa sahaja penulisan yang mempunyai kaitan dengan bidang kajian. Kajian dokumen juga merujuk kepada kaedah untuk mengumpul data melalui penulisan-penulisan sedia ada seperti penerbitan tempatan, penerbitan daripada luar negara, jurnal, buku-buku, majalah, surat khabar, laporan tahunan dan laporan penyelidikan universiti (Bailey, 1984; Creswell, 2003; Othman Lebar, 2006). Kaedah kajian dokumen digunakan dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai pengurusan dan pentadbiran institusi zakat di Pulau Pinang. Data-data tersebut penting bagi menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian.

Kaedah temu bual pula adalah kaedah kajian yang digunakan untuk mengumpulkan data primer. Menurut Forrest (2006), kaedah temu bual adalah teknik kajian yang boleh diterima bagi mencari isu yang berkaitan dengan maklumat polisi sesebuah institusi atau organisasi. Manakala Robson (2011) pula menyatakan kaedah temu bual boleh digunakan sebagai kaedah utama pengumpulan data sama ada digabungkan dengan kaedah lain atau hanya ia dijadikan pendekatan kajian. Sehubungan dengan itu, bagi mendapatkan maklumat yang lengkap dan mendalam serta menjawab persoalan kajian, kaedah temu bual separa berstruktur digunakan dalam kajian ini. Menurut Chua (2011), temu bual separa berstruktur membantu penyelidik memahami lebih mendalam mengenai fenomena yang dikaji berbanding cara temu bual berstruktur atau temu bual tidak berstruktur. Menurut beliau lagi, dalam temu bual separa berstruktur, penyelidik tidak terhad untuk menyoal soalan formal yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan sahaja, tetapi penyelidik juga diberi kebebasan untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam tentang jawapan responden kepada satu soalan formal yang telah ditanya.

Pengumpulan data primer dalam kajian ini adalah melibatkan pengumpulan data yang berkaitan dengan tadbir urus ZPP di bawah kerajaan yang diketuai oleh golongan bukan Muslim. Tujuan data-data tersebut dikumpul bagi menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian yang dilakukan. Dalam kajian ini, tujuh orang responden dipilih untuk ditemu bual. Pemilihan ini dibuat berdasarkan pengalaman, pengetahuan dan kepakaran mereka dalam bidang pengurusan dan pentadbiran institusi zakat di Pulau Pinang. Tiga orang responden yang dipilih merupakan mereka yang berautoriti dalam pengurusan dan pentadbiran institusi zakat di Pulau Pinang. Seterusnya, dua orang responden lagi ialah mereka yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang iaitu Mufti Pulau Pinang dan EXCO Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Pemilihan Mufti Pulau Pinang dan EXCO Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang sebagai responden dalam kajian ini kerana mereka merupakan individu yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang dan mempunyai pengetahuan mendalam mengenai tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang. Selebihnya adalah mereka yang terlibat dalam tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang sama ada secara langsung ataupun tidak langsung serta terlibat secara langsung dengan parti politik.

Walaupun jumlah responden dalam kajian ini adalah kecil, namun ia sudah memadai kerana maklumat yang diperolehi adalah mencukupi dan tidak menjejaskan kajian ini. Lagipun, menurut Patton (2001), penentuan saiz sampel bagi sesuatu kajian tidak mempunyai peraturan tertentu. Sebaliknya perkara yang penting menurut Azhar Harun dan Nawi Abdullah (2004) dan Neuman (2011) ialah responden yang dipilih itu dapat memberikan gambaran atau maklumat yang diinginkan. Maklumat responden, jawatan dan justifikasi pemilihan diringkaskan seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Senarai Responden dan Justifikasi Pemilihan Responden Dalam Kajian

Nama Responden	Jawatan	Justifikasi pemilihan
1. Tuan Haji Mohamad Salleh Abdullah	- Pengurus Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan, Analisa dan Statistik, ZPP.	- Penglibatan secara langsung dalam pengurusan dan pentadbiran ZPP. - Sudah berkhidmat dengan ZPP selama 17 tahun. - Pernah berkhidmat dengan MAINPP selama empat tahun di bahagian zakat. - Beliau pernah menulis kertas kerja yang bertajuk “Transformasi Zakat Pulau Pinang: Daripada Barisan Nasional Kepada Pakatan Rakyat” dan buku yang bertajuk “Tranformasi Zakat”.
2. Mohammad Kairi Ghazali	- Penolong Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, ZPP.	- Penglibatan secara langsung dalam pengurusan dan pentadbiran ZPP. - Sudah berkhidmat dengan ZPP selama 17 tahun. - Pernah berkhidmat dengan MAINPP selama dua tahun di bahagian zakat.
3. Dato’ Dr. Haji Wan Salim Wan Mohd. Noor	- Mufti Pulau Pinang.	- Bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang termasuk tadbir urus zakat di Pulau Pinang. - Pengerusi Jawatankuasa Fatwa, Negeri Pulau Pinang. - Jawatan terkini ialah sebagai Mufti Pulau Pinang.

4. Y.B Dato' Haji Abdul Malik Kassim	- Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Pulau Pinang (EXCO).	<ul style="list-style-type: none"> - Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. - Bertanggungjawab dalam hal ehwal Agama Islam di Pulau Pinang termasuk tadbir urus zakat di Pulau Pinang. - Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang (N37 Kawasan Batu Maung).
5. Dato' IR. Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman	- Ahli Lembaga Pengarah ZPP.	<ul style="list-style-type: none"> - Penglibatan secara langsung dalam pengurusan dan pentadbiran ZPP. - Sudah dilantik sebagai ALP ZPP selama 6 tahun. - Ahli Jawatankuasa Majlis Pimpinan Negeri PKR.
6. Ustaz Rosidi Hussain	- Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (2010-2016).	<ul style="list-style-type: none"> - Penglibatan secara langsung dalam pengurusan dan pentadbiran MAINPP. - Sudah dilantik sebagai Ahli MAINPP selama 6 tahun. - Jawatan terkini dalam parti ialah Ahli Jawatankuasa Biro Tanah dan Wilayah Amanah Nasional 2016/2017, Parti Amanah Negara (AMANAH). - Pernah memegang jawatan Ketua Penerangan PAS Pulau Pinang dari tahun 2013 hingga 2015.
7. Encik Mohd Noor Harun	- Mantan Ahli Lembaga Pengarah ZPP (2012-2015).	<ul style="list-style-type: none"> - Pernah terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pentadbiran ZPP. - Menjadi ALP ZPP selama 3 tahun (2013-2015). - Jawatan terkini dalam parti ialah Bendahari PAS Pulau Pinang.

Jadual 1.1 menunjukkan senarai responden yang ditemu bual bagi mendapatkan maklumat mengenai tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang, peranan dan sumbangannya terhadap ekonomi golongan asnaf di Pulau Pinang. Responden tersebut terdiri daripada tiga kategori. Pertama, pihak yang terlibat secara langsung dan mempunyai autoriti dalam pengurusan dan pentadbiran institusi zakat di Pulau Pinang. Kedua, pihak yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang dan mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai tadbir urus zakat di Pulau Pinang. Ketiga, pihak yang terlibat dalam tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang secara langsung ataupun tidak langsung serta terlibat dengan parti politik.

Bagi kategori pertama iaitu pihak yang terlibat secara langsung dan mempunyai autoriti dalam pengurusan dan pentadbiran institusi zakat di Pulau Pinang terdiri daripada tiga orang responden. Pertama, Tuan Haji Mohamad Salleh Abdullah, Pengurus Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan, Analisa dan Statistik, ZPP. Kedua, Mohammad Kairi Ghazali, Penolong Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, ZPP. Kedua-dua responden tersebut sudah berkhidmat dengan ZPP selama 17 tahun. Ketiga, Dato' IR. Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman, ALP ZPP. Beliau telah dilantik sebagai ALP ZPP selama enam tahun. Beliau juga memegang jawatan dalam parti sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Pimpinan Negeri PKR. Pemilihan ketiga-tiga responden dalam kajian ini kerana mereka terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pentadbiran ZPP.

Bagi kategori kedua pula, iaitu pihak yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang. Hanya dua orang responden sahaja yang ditemu bual bagi kategori kedua ini. Pertama, Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Wan Salim Wan Noor, Mufti Pulau Pinang. Kedua, Dato' Haji Abdul Malik Kassim, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Pulau Pinang (EXCO) sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Pulau Pinang. Pemilihan kedua-dua responden tersebut dalam kajian ini kerana beliau bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang termasuk tadbir urus zakat di Pulau Pinang dan mempunyai pengetahuan mendalam mengenai tadbir urus zakat di Pulau Pinang.

Bagi katagori ketiga pula iaitu pihak yang terlibat dalam tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang sama ada secara langsung ataupun tidak langsung serta terlibat dengan parti politik. Terdapat dua orang responden dalam katagori ini. Pertama, Ustaz Rosidi Hussain, Ahli MAINPP. Beliau telah dilantik menjadi Ahli MAINPP selama enam tahun. Beliau juga merupakan pimpinan dalam AMANAH, Pulau Pinang. Kedua, Encik Mohd Noor Harun, mantan ALP ZPP. Beliau pernah dilantik menjadi ALP ZPP selama tiga tahun iaitu bermula pada tahun 2013 sehingga tahun 2015. Beliau merupakan pimpinan tertinggi dalam PAS Pulau Pinang. Beliau dilantik sebagai bendahari PAS Pulau Pinang bermula pada tahun 2015 hingga sekarang. Pemilihan Ustaz Rosidi Hussain dan Encik Mohd Noor Harun sebagai responden dalam kajian ini kerana penglibatan mereka dalam tadbir urus zakat di Pulau Pinang dan menjawat jawatan penting dalam parti AMANAH dan PAS di Pulau Pinang.

Data-data yang dikumpul, kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tekstual dan kaedah analisis kandungan. Menurut Ida (2011) kaedah analisis tekstual merupakan salah satu kaedah untuk menganalisis dan menilai suatu ideologi, nilai-nilai atau kepentingan dalam suatu teks. Kaedah analisis tekstual adalah satu bentuk analisis secara mendalam terhadap bahan-bahan media bercetak seperti akhbar, majalah, jurnal, buku, kitab, laporan bertulis dan minit mesyuarat. Ia digunakan untuk meneliti dan menjelaskan secara sistematik makna dan isi kandungan tersurat dan tersirat dokumen yang dikaji (Othman Lebar, 2006). Selain daripada kaedah analisis tekstual, kaedah analisis kandungan juga digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis data-data temu bual yang diperolehi. Menurut Miles, M. B. dan Huberman, A. M (1994) pendekatan analisis kandungan sesuai digunakan untuk menganalisis data temu bual. Selain itu, kaedah analisis kandungan merupakan kaedah analisis

yang sering digunakan dalam kajian kualitatif (Burn, 1995). Menurut beliau, kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenalpasti tema, konsep dan makna bagi menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian. Sehubungan dengan itu, kaedah analisis tekstual dan analisis kandungan digunakan dalam kajian ini adalah untuk menganalisis data-data yang dikumpulkan melalui kajian dokumen dan kaedah temu bual separa berstruktur mengenai tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang, peranan dan sumbangannya terhadap ekonomi golongan asnaf di Pulau Pinang.

3. Dapatan dan perbincangan

Dapatan kajian dan perbincangan kajian ini dapat dibahagikan kepada empat bahagian. Pertama, tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang. Kedua, strategi ekonomi dan politik institusi zakat di Pulau Pinang. Ketiga, peranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menentukan hala tuju tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang. Keempat, peranan dan sumbangan institusi zakat terhadap ekonomi golongan asnaf di Pulau Pinang.

3.1 Tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang

Pengurusan zakat di Pulau Pinang ditadbir urus oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) bermula dari tahun 1960 berasaskan kepada Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 1959 (Undang-Undang No. 3 Tahun 1959) yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 15 April 1959 (MAINPP, 2016). Undang-undang tersebut telah memperuntukan pembentukkan satu badan yang bertanggungjawab untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong dalam perkara-perkara berkaitan hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan zakat (Mohamad Salleh Abdullah, 2011). Sejak daripada penubuhan MAINPP pada tahun 1960 hingga tahun 1994, urusan kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang diuruskan di bawah satu bahagian di MAINPP.

Pada tahun 1994, MAINPP menubuhkan sebuah anak syarikat iaitu As-Sahabah Urus Zakat Sendirian Berhad (ASUZSB) yang didaftarkan sebagai syarikat petugas amil bagi pihak MAINPP dengan pelaburan modal sejumlah RM 1,019,658.00. Syarikat tersebut diperbadankan sebagai syarikat sendirian berhad (Sdn. Bhd.) milik penuh MAINPP dengan kawalan modal sebanyak 100% di bawah Akta Syarikat 1965 (Mohamad Salleh Abdullah, 2011 & Zakat Pulau Pinang, 2020).

ASUZSB telah memulakan operasi sepenuhnya bermula 1 September 1994 dengan menggunakan nama Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZPP). Penggunaan nama PUZPP adalah untuk mengekalkan kepentingan awam terhadap institusi tersebut (Zakat Pulau Pinang, 2020). Menurut Mohamad Salleh Abdullah (2011) PUZPP merupakan ikon bagi pengurusan zakat di Pulau Pinang dan bertujuan untuk meyakinkan masyarakat Islam di Pulau Pinang terhadap institusi zakat yang ditubuhkan. Pada ketika itu masyarakat Islam di Pulau Pinang tidak dapat menerima pengurusan dan pentadbiran zakat diswastakan atau dikorporatkan kepada sebuah institusi swasta (Wan Salim Wan Mohd Noor, temu bual bersemuka, 27 Jun

2016). Sikap masyarakat yang sedemikian dibimbangi akan menjejaskan kutipan zakat di Pulau Pinang dan hasrat MAINPP untuk meninggikan kecekapan dan keberkesanan pengurusan zakat di Pulau Pinang akan gagal. Oleh yang demikian, nama PUZPP bukanlah satu entiti yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang perbadanan syarikat, malah ia merupakan satu jenama (*branding*) bagi mempromosikan pengkorporatan atau penswastaaan zakat di Pulau Pinang (Mohamad Salleh Abdullah, temu bual bersemuka, 21 Jun 2016).

Pada peringkat awal penubuhan, bidang kuasa PUZPP hanyalah sekadar mengumpulkan zakat harta di sekitar Pulau Pinang dan Seberang Perai sahaja. Pada masa yang sama, MAINPP masih memainkan peranan untuk mengumpulkan zakat fitrah dan mengagihkan dana zakat di negeri Pulau Pinang. Namun, kejayaan PUZPP meningkatkan kutipan zakat harta daripada RM 0.19 juta pada tahun 1994 kepada RM 9.36 juta pada tahun 1998 telah meyakinkan MAINPP bahawasanya PUZPP amat berpotensi untuk menguruskan operasi kutipan dan agihan zakat sekaligus. Bermula pada bulan Mac 1999, MAINPP telah memberi kepercayaan penuh kepada ZPP untuk menguruskan sepenuhnya kedua-dua operasi kutipan dan agihan zakat harta dan zakat fitrah di seluruh Pulau Pinang (Zakat Pulau Pinang, 2020).

Keputusan menyerahkan kuasa dan tanggungjawab memungut dan mengagihkan zakat di Pulau Pinang kepada PUZPP dibuat selepas tiga siri Muzakarah Pemantapan Sistem Agihan Zakat yang diadakan sejak tahun 1997 (Mohamad Salleh Abdullah, 2011). Keputusan tersebut menjadikan PUZPP sebagai institusi korporat yang pertama di Malaysia diluluskan dan diberi kuasa oleh MAIN untuk mengurus kutipan dan agihan zakat harta dan fitrah. Menurut Mohamad Salleh Abdullah (Temu bual bersemuka, 21 Jun 2016), penyerahan kuasa mengurus kutipan dan agihan zakat kepada syarikat korporat atau anak syarikat yang ditubuhkan khusus oleh MAINPP bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan zakat di Pulau Pinang.

Nama korporat PUZPP diganti kepada nama korporat baharu iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) selepas penjenamaan semula nama dan logo PUZPP, MAINPP. Penjenamaan semula PUZPP ini telah disempurnakan oleh TYT Tun Dato Seri Utama Dr Hj Abdul Rahman Hj Abbas, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada 26 April 2012 (Zakat Pulau Pinang, 2020).

3.2 Strategi ekonomi dan politik institusi zakat di Pulau Pinang

Secara umumnya, bagi mengukuhkan ekonomi dan politik institusi zakat di Pulau Pinang, MAINPP telah menubuhkan syarikat ASUZSB sebagai sebuah anak syarikat di bawah MAINPP. Penubuhan syarikat ASUZSB merupakan strategi atau perancangan MAINPP bagi meningkatkan kutipan zakat di Pulau Pinang. Menurut Mohamad Salleh Abdullah (Temu bual bersemuka, 21 Jun 2016), Mohamad Kairi Ghazali (Temu bual bersemuka, 3 Ogos 2016), Y.B. Dato' Abdul Malik Kassim (Temu bual bersemuka, 20 Oktober 2016) dan Mohd Noor Harun (Temu bual bersemuka, 5 November 2016), terdapat empat strategi utama MAINPP menubuhkan dan melantik syarikat ASUZSB sebagai wakil amil di Pulau Pinang pada ketika itu. Pertama, memfokuskan peningkatan kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang; kedua, mengkorporatkan pengurusan zakat; ketiga, melayan pelanggan agar mereka rasa senang untuk

berurusan dengan institusi zakat; keempat, bebas melantik sesiapa sahaja yang dikenal pasti layak untuk memegang jawatan tertinggi dalam institusi tersebut.

Selain daripada itu, menurut Wan Salim Wan Mohd Noor (Temu bual bersemuka, 27 Jun 2016), penubuhan ZPP telah menjadikan pengurusan dan pentadbiran zakat di Pulau Pinang lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Pengurusan dan pentadbiran zakat sedemikian amat penting bagi meyakinkan masyarakat Islam di Pulau Pinang untuk berurusan dan membayar zakat kepada institusi zakat yang dilantik, bukannya membayar terus kepada asnaf. Penubuhan ZPP juga adalah untuk meringankan bebanan tugas MAINPP yang bertanggungjawab mengurus hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang, pengurusan masjid, pengurusan wakaf dan tanah orang Islam serta perkara-perkara yang berkaitan dengan masyarakat Islam di Pulau Pinang.

Menurut Y.B. Dato' Abdul Malik Kassim (Temu bual bersemuka, 20 Oktober 2016) dan Mohd Noor Harun (Temu bual bersemuka, 5 November 2016), pada dasarnya strategi MAINPP menubuhkan ZPP sebagai sebuah syarikat swasta yang bertanggungjawab mengurus kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang adalah untuk mewujudkan pengurusan dan pentadbiran yang lebih agresif dan progresif. Menurut beliau, dalam kerangka syarikat swasta, pengurusan dan pentadbiran institusi tersebut lebih efektif kerana kuasa tadbir urusnya lebih terbuka. ZPP bebas untuk melantik sesiapa sahaja yang dikenal pasti untuk menjawat jawatan tertinggi dalam organisasi tanpa merujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). ZPP hanya memutuskan dan dapatkan persetujuan dalam mesyuarat ALP serta mendapat persetujuan daripada EXCO Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.

Dato' IR. Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman (Temu bual bersemuka, 3 November 2016) pula menyatakan strategi MAINPP melantik ZPP untuk mentadbir urus kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang adalah untuk memudahkan urusan pentadbiran kewangan dan pelantikan kakitangan ZPP serta menjadikan tadbir urus zakat di Pulau Pinang lebih sistematik dan tersusun. Sebagai sebuah syarikat Sdn. Bhd., ZPP berkuasa untuk melantik kakitangan, menentukan prosedur kerja, peraturan-peraturan dan berkuasa untuk menetapkan gaji pegawai ZPP.

3.3 Peranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menentukan hala tuju tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang

Dari segi latar belakang politik, negeri Pulau Pinang agak berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia kerana pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang diketuai oleh golongan bukan Muslim iaitu Yang Amat Berhormat (Y.A.B.) Tuan Lim Guan Eng daripada Parti Tindakan Demokratik (DAP) (Wan Salim Wan Mohd Noor, temu bual bersemuka, 27 Jun 2016)¹.

¹ Ketika temu bual ini dijalankan, Ketua Menteri Pulau Pinang masih dijabat oleh Yang Amat Berhormat (Y.A.B.) Tuan Lim Guan Eng. Dari tahun 2018 sehingga tahun 2021 dan kemudiannya Ketua Menteri Pulau Pinang dijabat pula oleh YAB Chow Kon Yeow.

Menurut beliau, pelantikan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang datang hasil daripada kesepakatan parti gabungan dalam Pakatan Rakyat² iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pada tahun 2008. Lantaran itu, urusan hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang diletakkan di bawah bidang kuasa EXCO Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Selain daripada hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang, EXCO Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang juga bertanggungjawab untuk mengawasi hal ehwal berkaitan kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang.

Secara umumnya, setiap institusi yang dilantik oleh pemerintah tidak boleh berfungsi dengan sendiri tanpa campur tangan kuasa pemerintah sama ada pada peringkat negara, negeri, penguasa agama ataupun institusi zakat itu sendiri (Mohamad Salleh Abdullah, temu bual bersemuka, 21 Jun 2016). Menurut Rosidi Hussain (Temu bual bersemuka, 1 November 2016), peranan kuasa politik atau pemerintah dalam mana-mana institusi atau agensi Islam dan juga Jabatan Kerajaan di seluruh Malaysia pada hari ini memang tidak boleh dinafikan dan tidak boleh diasingkan. Dato' IR. Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman (Temu bual bersemuka, 3 November 2016) juga mengatakan memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pengawalan kuasa politik pemerintah terhadap institusi atau badan-badan yang ditubuhkan oleh pemerintah sama ada pada peringkat negara dan juga negeri. Kerajaan yang memerintah bertanggungjawab untuk memastikan mana-mana institusi atau badan-badan yang ditubuhkan untuk menguruskan hal ehwal rakyat mestilah selari dengan polisi dan dasar kerajaan yang memerintah.

Menurut Mohamad Salleh Abdullah (Temu bual bersemuka, 21 Jun 2016), ZPP merupakan sebuah institusi yang ditubuhkan oleh MAINPP untuk mentadbir urus kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang. Walaupun penubuhan ZPP adalah sebagai sebuah syarikat Sdn. Bhd., namun ZPP masih lagi di bawah pemantauan MAINPP dan juga EXCO Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. MAINPP merupakan sebuah institusi yang bertanggungjawab kepada EXCO Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dalam mengawasi dan menguruskan hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang (Y.B. Dato' Abdul Malik Kassim, temu bual bersemuka, 20 Oktober 2016).

Pada hakikatnya, kuasa politik pemerintah berperanan dalam tadbir urus zakat di Pulau Pinang sebagai mana yang dijelaskan oleh Mohamad Salleh Abdullah (Temu bual bersemuka, 21 Jun 2016). Menurut beliau, peranan kuasa politik pemerintah dalam tadbir urus institusi zakat tidak dapat dinafikan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Penglibatan kuasa politik pemerintah dalam tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang dapat dilihat dengan penglibatan ahli-ahli politik ataupun orang yang menjadi penyokong kuat kepada parti politik yang memerintah dalam Ahli Lembaga Pengarah (ALP) ZPP. Selain daripada menasihati dan memberi pandangan berkaitan dengan tadbir urus zakat di Pulau Pinang, mereka juga

²Bermula 2 Julai 2015 Kerajaan negeri Pulau Pinang telah menggugurkan nama "Pakatan Rakyat" daripada pentadbiran dan digantikan dengan nama "Pakatan Harapan" berikutan PAS memutuskan hubungan dengan DAP. Pakatan Harapan merupakan gabungan parti DAP, PKR dan Parti Amanah Negara (PAN) (Roketkini.com, 2015).

mempunyai agenda tertentu untuk kepentingan parti masing-masing bagi memenangi hati rakyat. Terdapat dalam kalangan ahli politik pemerintah yang meminta penyaluran bantuan zakat disalurkan melalui mereka dengan tujuan mendapatkan kepercayaan dan keyakinan daripada masyarakat terhadap kuasa yang ada pada ahli politik tersebut dan juga kerajaan yang memerintah (Wan Salim Wan Mohd Noor, temu bual bersemuka, 27 Jun 2016).

Menurut Mohamad Kairi Ghazali (Temu bual bersemuka, 3 Ogos 2016), penglibatan kuasa politik dalam tadbir urus zakat di Pulau Pinang boleh memberi kesan yang baik jika dilaksanakan secara positif dan membina. Namun, jika penglibatan kuasa politik dengan tujuan untuk kepentingan individu dan parti politik, ia akan memberi kesan yang buruk terhadap tadbir urus institusi tersebut. Begitu juga Mohd Noor Harun (Temu bual bersemuka, 5 November 2016) menjelaskan bahawa kuasa politik pemerintah memang mempengaruhi dan amat berperanan dalam tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang. Walaupun ZPP ditubuhkan sebagai syarikat Sdn. Bhd., kuasa politik pemerintah mempunyai peranan dalam menentukan dasar dan hala tuju institusi zakat dan juga boleh mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh ALP ZPP agar selari dengan polisi dan dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan atau kuasa politik pemerintah (Dato' IR. Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman, temu bual bersemuka, 3 November 2016 & Mohd Noor Harun, temu bual bersemuka, 5 November 2016).

Menurut Mohamad Salleh Abdullah (Temu bual bersemuka, 21 Jun 2016) dan Mohamad Kairi Ghazali (Temu bual bersemuka, 3 Ogos 2016), walaupun ZPP diberi kuasa penuh mentadbir urus kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang, namun setiap perancangan dan keputusan yang dibuat pada peringkat ZPP mesti mendapat persetujuan dan kelulusan daripada MAINPP dan juga EXCO Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Hal ini kerana EXCO Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dan MAINPP mempunyai kuasa dalam melantik ALP ZPP sama ada melalui mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang ataupun mesyuarat Ahli MAINPP. Terdapat sebahagian daripada ALP ZPP yang dilantik daripada ahli politik atau penyokong kepada parti politik yang memerintah. Selain itu, MAINPP juga berkuasa untuk menamatkan jawatan seseorang ALP ZPP serta merta walaupun beliau dilantik untuk tempoh masa dua tahun (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Kassim, temu bual bersemuka, 20 Oktober 2016). Pelantikan Ahli MAINPP pula adalah lantikan DYMM *Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong* hasil daripada cadangan parti-parti yang mewakili kerajaan yang memerintah (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Kassim, temu bual bersemuka, 20 Oktober 2016 & Dato' IR. Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman, temu bual bersemuka, 3 November 2016).

Selain daripada pelantikan ALP ZPP, kuasa politik pemerintah juga berperanan dalam pelantikan wakil amil bagi mengutip zakat di setiap daerah di Pulau Pinang. Menurut Mohamad Kairi Ghazali (Temu bual bersemuka, 3 Ogos 2016), walaupun ZPP diberi kuasa untuk tadbir urus kutipan zakat di Pulau Pinang, namun ZPP tidak ada kuasa untuk melantik wakil amil di setiap daerah di Pulau Pinang kerana pelantikan amil zakat di Pulau Pinang adalah kuasa MAINPP. ZPP hanya boleh mencadangkan calon wakil amil yang dikenal pasti kepada MAINPP dan pelantikan akan dibuat oleh MAINPP setelah mendapat persetujuan daripada EXCO Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (Mohamad Salleh Abdullah, temu bual bersemuka, 21 Jun 2016 & Mohamad Kairi Ghazali, temu bual bersemuka, 3 Ogos 2016).

Selain daripada politik, ekonomi juga berperanan dalam memperkasakan tadbir urus zakat di Pulau Pinang. Menurut Mohamad Salleh Abdullah (Temu bual bersemuka, 21 Jun 2016) dan Mohd Noor Harun (Temu bual bersemuka, 5 November 2016), peranan dan tanggungjawab ZPP sebagai amil zakat yang dilantik oleh MAINPP adalah mentadbir urus zakat di Pulau Pinang dengan lebih sistematik, cekap dan berkesan bagi meningkatkan kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang. Selain itu, ZPP juga bertanggungjawab untuk memudahkan urusan pembayaran dan permohonan zakat bagi memuaskankan hati pelanggan yang berurusan dengan ZPP (Wan Salim Wan Mohd Noor, temu bual bersemuka, 27 Jun 2016).

Mohamad Kairi Ghazali (Temu bual bersemuka, 3 Ogos 2016) menyatakan ZPP telah berjaya membuktikan bahawa penubuhannya sebagai amil zakat kepada MAINPP mampu merealisasikan matlamat yang telah ditetapkan oleh MAINPP. Dalam masa yang sama penubuhan ZPP juga dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang. Setelah kuasa dan tanggungjawab untuk menguruskan kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang diberikan sepenuhnya kepada ZPP pada tahun 1999, jumlah kutipan dan pembayar zakat meningkat pada setiap tahun. Begitu juga jumlah agihan zakat telah meningkat dari semasa ke semasa. Peningkatan jumlah kutipan zakat di Pulau Pinang merupakan sumber kekuatan ekonomi ZPP dalam membangunkan ekonomi golongan asnaf di Pulau Pinang.

Setelah berjaya meningkatkan kutipan zakat di Pulau Pinang, ZPP mempelbagaikan bentuk agihan dan bantuan zakat kepada golongan asnaf. Selain daripada bantuan sara diri kepada golongan asnaf, ZPP juga memperkenalkan skim bantuan yang bersifat produktif seperti melaksanakan program-program pembangunan ekonomi dan keusahawanan, pendidikan, kemahiran dan kesihatan (Mohamad Salleh Abdullah, temu bual bersemuka, 21 Jun 2016). Antara skim bantuan produktif yang diperkenalkan oleh ZPP ialah bantuan modal dan peralatan atau mesin serta Program Gerak Kerja Asnaf. Bantuan modal dan peralatan atau mesin merupakan bantuan modal dengan bajet permulaan sebanyak RM 100,000.00 yang diberikan kepada golongan asnaf yang ingin memulakan perniagaan. Program Gerak Kerja Asnaf pula merupakan program yang berbentuk latihan dan kemahiran yang diajar kepada golongan asnaf untuk meningkatkan ekonomi dan kemahiran golongan asnaf di Pulau Pinang. Terdapat lima Program Gerak Kerja Asnaf yang telah diperkenalkan oleh ZPP bagi meningkatkan ekonomi dan kemahiran golongan asnaf di Pulau Pinang. Program tersebut ialah iaitu Gerak Asnaf Niaga, Gerak Asnaf Tani, Gerak Asnaf Jahitan, Gerak Asnaf Katering dan Gerak Asnaf IT.

Selain itu, Program Gerak Asnaf juga dilaksanakan untuk meningkatkan tahap pendidikan dan kesihatan golongan asnaf di Pulau Pinang (Mohamad Salleh Abdullah, 2011). Bagi meningkatkan tahap pendidikan golongan asnaf di Pulau Pinang, ZPP menganjurkan program pembangunan akademik dan sahsiah pelajar seperti kelas malam (*prep night class*), Kem Bina Sahhsiah (*Smart Caliphs Camp*) dan Program Didik Cemerlang Akademik (PDCA). Dalam program pembangunan kesihatan pula, kebanyakan perbelanjaan disalurkan melalui enam buah Pusat Rawatan Haemodialisis Zakat (PHZ) dan juga Klinik Bergerak Zakat (KBZ) (Zakat Pulau Pinang, 2020). Program ekonomi di atas memberi kesan yang positif kepada institusi

zakat itu sendiri iaitu meyakinkan masyarakat terhadap ketelusan tadbir urus kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang (Mohamad Salleh Abdullah, temu bual bersemuka, 21 Jun 2016).

Menurut Mohamad Kairi Ghazali (Temu bual bersemuka, 3 Ogos 2016), kejayaan ZPP meningkatkan kutipan zakat dan mempelbagaikan bentuk agihan dan bantuan zakat di Pulau Pinang telah menambah keyakinan masyarakat Islam di Pulau Pinang terhadap tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang. Keadaan sedemikian telah memberi kesan positif kepada peningkatan jumlah kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang dari semasa ke semasa. Peningkatan jumlah kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang dari tahun 1994 hingga tahun 2018 digambarkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 menunjukkan jumlah kutipan zakat di Pulau Pinang bermula pada tahun 1994 hingga tahun 2018 dan jumlah agihan zakat di Pulau Pinang bermula pada tahun 2006 hingga tahun 2018. Merujuk kepada Jadual 1.1 tersebut, dapat dirumuskan bahawa jumlah kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang meningkat pada setiap tahun. Pada tahun 1994, kutipan zakat di Pulau Pinang hanyalah RM 193,306.00 yang dikutip daripada 212 orang pembayar zakat. Pada tahun 1995 pula, jumlah kutipan dan pembayar zakat di Pulau Pinang semakin meningkat menjadikan jumlah kutipan pada tahun tersebut ialah RM 5,956.693.00 dan jumlah pembayar zakat ialah seramai 4,723 orang. Begitu juga pada tahun 1996, jumlah kutipan zakat di Pulau Pinang meningkat kepada RM 6,554,270.00 yang dibayar oleh 7,911 orang pembayar zakat. Jumlah kutipan dan pembayar zakat di Pulau Pinang terus meningkat pada setiap tahun seterusnya sehinggalah pada tahun 2018 dengan jumlah kutipan sebanyak RM 114,826,389.91 dan jumlah pembayar zakat adalah seramai 65,709 orang. Peningkatan ini bukan sahaja berlaku dari segi kutipan dan pembayar zakat sahaja, malah jumlah keseluruhan agihan zakat dan bilangan asnaf di Pulau Pinang juga meningkat pada setiap tahun.

Jadual 1.1: Jumlah Kutipan dan Agihan Zakat di Pulau Pinang dari Tahun 1994 Sehingga Tahun 2018

Tahun	Kutipan (RM)	Pembayar Zakat (Orang)	Agihan (RM)	Penerima Zakat (Orang)
1994	193,306	212	-	-
1995	5,956.693	4,723	-	-
1996	6,554,270	7,911	-	-
1997	8,401,924	10,778	-	-
1998	9,362,531	14,544	-	-
1999	8,,774,743	16,843	-	-
2000	12,703,159	23,574	-	-
2001	15,382,781	28,105	-	-
2002	17,894,835	31,028	-	-
2003	19,066,877	31,782	-	-
2004	20,886,653	35,542	-	-
2005	25,559,616	37,721	-	-

2006	28,065,599	41,141	26,343,520	22,049
2007	34,336,813	45,514	34,569,379	23,031
2008	38,027,108	48,265	45,602,322	26,302
2009	44,059,327	40,708	49,317,271	27,833
2010	49,240,837	51,529	57,850,927	29,334
2011	58,215,179	55,227	55,468,037	30,836
2012	72,296,317	56,024	70,051,641	33,747
2013	80,779,499	59,551	73,112,820	31,587
2014	82,213,792	61,822	80,098,951	38,698
2015	88,282,057	62,977	101,374,498	45,228
2016	94,132,722	68,257	100,962,507	35,699
2017	96,639,699	68,776	99,782,721	42,291
2018	114,826,389.91	65,709	101,010,171	45,990

(Sumber: ZPP, 2020)


Jadual 1.1 juga menunjukkan peningkatan jumlah agihan zakat di Pulau Pinang bermula dari tahun 2006 hingga 2018. Pada tahun 2006 jumlah agihan zakat di Pulau Pinang ialah RM 26,343,520.00 yang diagihkan kepada 22,049 orang asnaf. Pada tahun 2007 pula, jumlah agihan zakat di Pulau Pinang semakin meningkat kepada RM 34,569,379.00. Jumlah ini telah diagihkan kepada 23,031 orang asnaf pada tahun tersebut. Pada tahun berikutnya iaitu bermula pada tahun 2012 hingga tahun 2015, jumlah agihan zakat di Pulau Pinang meningkat sebanyak RM 31,322,857.00. Jumlah keseluruhan agihan zakat di Pulau Pinang pada tahun 2015 ialah RM 101,374,478.00.

Namun begitu, pada tahun 2016 dan 2017 jumlah agihan zakat di Pulau Pinang menurun sedikit berbanding tahun 2015. Pada tahun 2016 jumlah agihan zakat di Pulau Pinang sebanyak RM 100,962,507 manakala pada tahun 2017 sebanyak RM 99,782,721. Pada tahun 2018 pula, jumlah agihan zakat di Pulau Pinang kembali meningkat berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM 1,227,450 menjadikan jumlah agihan zakat di Pulau Pinang pada tahun 2018 sebanyak RM 101,010,171. Begitu juga jumlah keseluruhan penerima zakat di Pulau Pinang, bilangannya meningkat dari tahun 2012 hingga tahun 2018 iaitu seramai 12,243 orang walaupun terdapat beberapa tahun jumlah bilangan penerima zakat menurun dari tahun sebelumnya. Peningkatan jumlah penerima zakat ini menjadikan jumlah keseluruhan penerima zakat di Pulau Pinang pada tahun 2018 ialah 45,990 orang.

3.4 Peranan dan sumbangan institusi zakat terhadap ekonomi golongan asnaf di Pulau Pinang

Secara umumnya, sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab mentadbir urus kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang pada masa kini, institusi ini berperanan dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Bagi merealisasikan peranan tersebut, ZPP mempelbagaikan kaedah pengagihan dan bantuan zakat di Pulau Pinang. Selain daripada

bantuan sara diri kepada golongan asnaf, ZPP juga memperkenalkan skim bantuan yang bersifat produktif seperti bantuan modal dan peralatan atau mesin, melaksanakan program-program pembangunan ekonomi dan keusahawanan, pendidikan, kemahiran, peluang pekerjaan dan pembangunan kesihatan. Bantuan modal dan peralatan serta program ekonomi di atas memberi kesan kepada tadbir urus institusi zakat itu sendiri dan meyakinkan masyarakat terhadap ketelusan dan keberkesanan tadbir urus institusi tersebut. Secara khususnya, peranan dan sumbangan institusi zakat terhadap ekonomi golongan asnaf di Pulau Pinang boleh dilihat dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Peranan dan Sumbangan Institusi Zakat Terhadap Ekonomi Golongan Asnaf di Pulau Pinang

Rajah 1.1 menunjukkan peranan dan sumbangan institusi zakat di Pulau Pinang dalam meningkatkan ekonomi, politik dan sosial golongan asnaf di Pulau Pinang. Terdapat empat langkah yang dilaksanakan oleh institusi zakat di Pulau Pinang bagi menjamin kestabilan ekonomi, politik dan sosial golongan asnaf di Pulau Pinang iaitu program pembangunan ekonomi dan keusahawanan, pembangunan pendidikan, peluang pekerjaan dan pembangunan kesihatan.

a) Program pembangunan ekonomi dan keusahawanan

Program pembangunan ekonomi dan keusahawanan merupakan salah satu skim bantuan produktif yang diperkenalkan oleh ZPP bagi meningkatkan ekonomi golongan asnaf di Pulau Pinang. Antara program pembangunan ekonomi dan keusahawanan yang dilaksanakan oleh ZPP ialah bantuan modal dan peralatan atau mesin dan Program Gerak Asnaf (Mohamad Salleh Abdullah, temu bual bersemuka, 21 Jun 2016). Bantuan modal dan peralatan atau mesin merupakan skim bantuan yang disifatkan sebagai bantuan produktif dengan bajet permulaan sebanyak RM 100,000.00 telah dilaksanakan pada tahun 1999. Bantuan ini diberikan kepada golongan asnaf yang ingin memulakan perniagaan mereka.

Pada tahun 2002 pula, ZPP melaksanakan Program Gerak Kerja Asnaf. Terdapat lima program gerak kerja yang memfokuskan pembangunan ekonomi dan keusahawanan iaitu Gerak Asnaf Niaga, Gerak Asnaf Tani, Gerak Asnaf Jahitan, Gerak Asnaf Katering dan Gerak Asnaf IT (Zakat Pulau Pinang, 2020). Mohamad Salleh Abdullah (Temu bual bersemuka, 21 Jun 2016) menjelaskan dengan Gerak Kerja Asnaf ini, golongan asnaf di Pulau Pinang mampu mengusahakan sendiri perniagaan, pertanian, jahitan catering dan perniagaan IT. Mereka lebih ke arah berdikari tanpa terlalu bergantung sepenuhnya kepada bantuan ZPP. Kesemua Program Gerak Asnaf ini bertujuan memberi latihan dan kemahiran kepada golongan asnaf dalam bidang yang diceburi supaya lebih produktif dan berdaya saing dalam meningkatkan ekonomi dan taraf hidup mereka.

b) Program Pembangunan Pendidikan

Selain daripada program pembangunan ekonomi dan keusahawanan, ZPP juga berperanan meningkatkan taraf pendidikan golongan asnaf di Pulau Pinang. Program pembangunan pendidikan merupakan agenda utama ZPP dalam membangunkan golongan asnaf di Pulau Pinang (Mohamad Kairi Ghazali, temu bual bersemuka, 3 Ogos 2016). Antara program pembangunan pendidikan yang telah dilaksanakan oleh ZPP ialah kelas malam (*prep night class*), Kem Bina Sahsiah (*Smart Caliphs Camp*), Program Didik Cemerlang Akademik (PDCA) dan program bantuan persekolahan dan pakaian seragam persekolahan. Program-program ini dilaksanakan bagi memberi pendidikan percuma kepada anak-anak golongan asnaf, membina karektor sebagai insan mulia dengan penggunaan teknologi multimedia terkini, membentuk jati diri pelajar sebagai pewaris masa depan negara, meningkatkan prestasi pelajar dalam bidang akademik dan membantu ibu bapa dalam menghadapi persediaan persekolahan anak-anak golongan asnaf (Zakat Pulau Pinang, 2020).

Pembangunan pendidikan golongan asnaf di Pulau Pinang adalah penting bagi mewujudkan keseimbangan ekonomi dan politik, menjaga keamanan dan keselamatan, keadilan dalam pemerintahan dalam masyarakat Islam di Pulau Pinang. Menurut Rahmah Islam (2003), pembangunan pendidikan merupakan kriteria penting bagi pembangunan sumber manusia dan pembangunan ekonomi dan politik sesebuah negara. Pendidikan berperanan mengembangkan pengetahuan masyarakat dan seterusnya mempengaruhi proses pembangunan negara.

c) Peluang pekerjaan

Menyediakan peluang pekerjaan merupakan salah satu kaedah yang dilakukan oleh ZPP untuk membantu golongan asnaf meningkatkan ekonomi dan kewangan mereka. Selain daripada memberi latihan dan kemahiran kepada golongan asnaf, Program Gerak Kerja Niaga, Gerak Kerja Tani, Gerak Kerja Catering, Gerak Kerja Jahitan dan Gerak Kerja IT yang dilaksanakan oleh ZPP bertujuan menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan asnaf bagi membantu meningkatkan ekonomi golongan asnaf di Pulau Pinang (Zakaria Bahari, 2011).

Selain itu, ZPP juga menubuhkan PUZ-Mart bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan asnaf yang memerlukan pekerjaan (Zakaria Bahari & Zahri Hamat, 2008). PUZ-Mart merupakan rangkaian kedai runcit 24 jam yang menjual produk dan barangan harian kegunaan umat Islam. PUZ-Mart juga berperanan untuk memasarkan barangan dan produk keluaran usahawan asnaf zakat di Pulau Pinang (Mohamad Salleh Abdullah, 2011).

d) Program Pembangunan Kesihatan

Selain daripada menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan asnaf, ZPP juga berperanan dalam meningkatkan taraf hidup golongan asnaf di Pulau Pinang melalui program pembangunan kesihatan (Zakaria Bahari, 2011). Dalam program pembangunan kesihatan, kebanyakan perbelanjaan disalurkan melalui enam buah Pusat Rawatan Haemodialisis Zakat (PHZ) dan juga Klinik Bergerak Zakat (KBZ). PHZ ditubuhkan bertujuan membantu golongan asnaf mendapat rawatan dialisis secara percuma kerana tidak mampu untuk mendapatkan rawatan di klinik swasta yang lain yang memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi (Mohamad Kairi Ghazali, temu bual bersemuka, 3 Ogos 2016).

Menurut Mohamad Kairi Ghazali (Temu bual bersemuka, 3 Ogos 2016) lagi, keseluruhan kos perbelanjaan rawatan di PHZ ditanggung sepenuhnya oleh ZPP. Program pembangunan kesihatan ini telah dilaksanakan pada tahun 2001. Sehingga kini, terdapat lapan lokasi PHZ di seluruh Pulau Pinang iaitu di Kg. Gajah, Butterworth; Taman Seri Genting, Barat Daya; Permatang Rawa, Seberang Perai Tengah; Taman Jawi Jaya, Seberang Perai Selatan; Kepala Batas, Seberang Perai Utara; Georgetown; Tasek Gelugor dan Bayan Lepas (Zakat Pulau Pinang, 2020).

Selain daripada PHZ, ZPP juga menyediakan KBZ dalam meningkatkan tahap kesihatan golongan asnaf di Pulau Pinang. KBZ merupakan inisiatif ZPP dalam memberi rawatan perubatan ringan secara percuma kepada golongan asnaf di Pulau Pinang. Selain perkhidmatan rawatan, ubat-ubatan turut disediakan bagi mereka yang memerlukan. Terdapat seorang doktor dan juga jururawat yang dipertanggungjawabkan di setiap KBZ bagi menjayakan program ini (Zakat Pulau Pinang, 2020).

Selain daripada peranan dan sumbangan dalam membangunkan ekonomi, pendidikan, kebajikan dan sosial golongan asnaf di Pulau Pinang, ZPP juga melakukan aktiviti dakwah dan keagamaan seperti kelas kefahaman agama, kelas pengajian al-Qur'an dan tajwid, program syiar Ramadhan, kursus kefahaman Islam dan kursus dakwah dan kepimpinan. Di samping itu juga, ZPP memberi suguhan kepada pentadbiran dan pengurusan *Qaryat*, guru agama dan guru

al-Qur'an, pentadbiran dan pengurusan sekolah agama rakyat dan maahad tahfiz di Pulau Pinang serta menyediakan peralatan dan buku-buku ibadat untuk masjid dan surau (Zakat Pulau Pinang, 2020).

4.0 Penutup

Berdasarkan penelitian dan hasil temu bual dengan tujuh orang responden berkaitan tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang, dapat dirumuskan bahawa strategi utama penubuhan ZPP sebagai institusi swasta untuk mentadbir urus kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang adalah untuk meningkatkan kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang. Selain itu, ia juga bertujuan menjadikan pengurusan zakat di Pulau Pinang lebih tersusun, sistematik dan profesional di samping meningkatkan keyakinan golongan asnaf di Pulau Pinang terhadap pengurusan dan pentadbiran zakat di Pulau Pinang walaupun pentadbiran kerajaan negeri Pulau Pinang diketuai oleh golongan bukan Muslim. Keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat penting dalam memastikan peranan sebenar institusi zakat ditubuhkan dapat dilaksanakan dengan jayanya iaitu meningkatkan jumlah kutipan dan pembayar zakat di Pulau Pinang serta membangunkan ekonomi, politik dan sosial di Pulau Pinang.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa kuasa politik pemerintah berperanan dalam menentukan hala tuju dan matlamat institusi zakat di Pulau Pinang dalam membangunkan ekonomi golongan asnaf di Pulau Pinang. Institusi zakat di Pulau Pinang berperanan dalam memastikan setiap dasar dan pelaksanaan pada peringkat institusi zakat di Pulau Pinang dapat direalisasikan dan selari dengan dasar dan polisi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Selain itu, institusi zakat di Pulau Pinang juga memainkan peranan dalam menjadikan tadbir urus kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang lebih sistematik dan profesional serta diyakini oleh masyarakat. Walaupun terdapat dakwaan yang mengatakan penglibatan ahli politik dalam tadbir urus institusi zakat di Pulau Pinang mempunyai agenda tertentu untuk memenangi hati rakyat bagi kepentingan parti masing-masing. Namun, pada hakikatnya menjadi tanggungjawab ahli politik atau wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat dan dilantik oleh kerajaan yang memerintah untuk memastikan tadbir urus zakat di Pulau Pinang menjadi lebih agresif dan progresif.

Setelah berjaya meningkatkan kutipan zakat di Pulau Pinang pada setiap tahun, ZPP telah mempelbagaikan bentuk agihan dan bantuan zakat kepada golongan asnaf iaitu dengan memperkenalkan skim bantuan zakat yang bersifat produktif. Skim bantuan zakat produktif tersebut diperkenalkan bertujuan meningkatkan ekonomi golongan asnaf di Pulau Pinang yang merangkumi bidang pendidikan, kemahiran, kesihatan, kebajikan dan sosial. Antara skim bantuan zakat produktif yang diperkenalkan oleh ZPP ialah bantuan modal dan peralatan atau mesin, Program Gerak Kerja Asnaf, Kelas Malam, Kem Bina Sahsiah, Program Didik Cemerlang, PHZ dan KBZ. Program-program tersebut juga memberi kesan positif kepada institusi zakat di Pulau Pinang iaitu masyarakat Islam semakin percaya dan yakin terhadap tadbir urus zakat di Pulau Pinang.

RUJUKAN

- Azhar Harun & Nawī Abdullah. (2004). *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Sains Sosial*. Singapore. Thomson and Learning.
- Bailey, K. D. (1984). *Kaedah penyelidikan sosial*. (Terj. Hashim Awang). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burn, R. B. (1995). *Introduction to Research Methods*. Melbourne, Australia: Longman.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah penyelidikan (edisi kedua)*. Shah Alam: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Coopersmith, S. (1967). *The antecedents of self-esteem*. San Francisco: W. H. Freeman & Co.
- Creswell, J. W. (2003). *Educational research: planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. London: Prentice Hall.
- Forrest, J.F. (2006). *Information policies and practices of knowledge management (KM) as related to the development of the global aviation information network (GAIN) - an applied case study and taxonomy development*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Nova Southeastern University.
- Ida, R. (2011). *Metode penelitian: Kajian media dan budaya*. Surabaya: Airlangga Universiti Press.
- MAIWP. (2006). Laporan Tahunan MAIWP 2006. Diakses daripada <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/perkhidmatan-kami/muatturun/category/23-laporan-tahunan> pada 20 Oktober 2015.
- Mohammad Salleh Abdullah. (2011). Realiti agihan zakat di Pulau Pinang: Saradiri atau produktif? Dlm. Muhammad Syukri Salleh, Mohammad Salleh Abdullah & Zahri Hamat (Ed.), *Transformasi zakat: Dari zakat saradiri kepada zakat produktif* (pp.251-285). Pulau Pinang: Katarsis Enterprise @ Printa Printing Sdn. Bhd.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Mujaini Tarimin. (2006). *Zakat menuju pengurusan profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributions Sdn. Bhd.
- Neuman, W. L. (2011). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. International Education, USA: Pearson Education.

-
- Nik Mustapha Nik Hassan. (2001). *Kaedah pengagihan dana zakat: Satu perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Othman Lebar. (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patton, M. Q. (2001). *Qualitative research & evaluation methods (3rd edi.)*. California: Sage Publication Ltd.
- Robson, C. (2011). *Real world reasearch (3rd edi.)*. Chichester: John Wiley and Sons Ltd.
- Rocketkini.com. (2015). Walaupun tiada lagi kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang, pentadbiran CAT diteruskan dengan sokongan PKR dan wakil tunggal PAS. Diakses daripada <http://www.rocketkini.com/2015/07/02/walaupun-tiada-lagi-kerajaan-pakatan-rakyat-di-pulau-pinang-pentadbiran-cat-diteruskan-dengan-sokongan-pkr-dan-wakil-tunggal-pas/> pada 20 Ogos 2016.
- Shofian Ahmad & Luqman Mahadi. (2013). Pelaburan wang zakat oleh institusi zakat menurut pandangan Islam. *Jurnal Kanun DBP. Jil. 10, Bil. 4* (2013), 122-135.
- Zakaria Bahari. (2011). Tranformasi fakir miskin daripada penerima zakat saradiri kepada penerima zakat produktif. Dlm. Muhammad Syukri Salleh, Mohammad Salleh Abdullah & Zahri Hamat (Ed.), *Tranformasi zakat: Dari zakat saradiri kepada zakat produktif* (pp.331-364). Pulau Pinang: Katarsis Enterprise @ Printa Printing Sdn. Bhd.
- Zakaria Bahari dan Zahri Hamat. (2008). Dari penerima kepada pembayar zakat: Satu tinjauan ke atas gerak kerja asnaf di Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. Kertas kerja yang dibentangkan di Islamic Economic and Finance No. 0807, anjuran Islamic Economics and Finance Research Group, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakat Pulau Pinang. (2020). *Maklumat korporat dan sejarah penubuhan ZPP*. Diakses daripada <http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/info-zpp/maklumat-korporat> pada 20 Disember 2020.

TEMU BUAL

Temu bual dengan Tuan Haji Mohamad Salleh Abdullah pada 21 Jun 2016, jam 10.00 pagi hingga jam 11.00 pagi di Tingkat 2, Bangunan Zakat Pulau Pinang, Bandar Perda, Pulau Pinang.

Temu bual dengan Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor pada 27 Jun 2016, jam 10.00 pagi hingga jam 11.00 pagi di Tingkat 48, Jabatan Mufti Pulau Pinang, Bangunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Goertown, Pulau Pinang. Beliau

Temu bual dengan Encik Kairi Ghazali pada 3 Ogos 2016, jam 10.00 pagi hingga jam 11.00 pagi di Tingkat 2, Bangunan Zakat Pulau Pinang, Bandar Perda, Pulau Pinang.

Temu bual bersama Y.B Dato' Haji Abdul Malik Kassim pada 20 Oktober 2016, jam 10.00 pagi hingga jam 11.00 pagi di Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Tingkat 53, Pejabat Mufti Pulau Pinang, KOMTAR, Bangunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 10503 Goertown, Pulau Pinang.

Temu bual bersama Dato' IR. Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman pada 3 November 2016, bermula jam 10.30 pagi hingga jam 11.30 pagi di Masjid al-Taqwa, Taman Bertam Indah, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.

Temu bual bersama Ustaz Rosidi Hussain pada 1 November 2016, jam 10.00 pagi hingga 11.00 pagi di pejabat beliau di Tingkat 1, Bangunan RMH, No. 21, Lorong Bertam Indah 1, Taman Bertam Indah, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.

Temu bual bersama Mohd Noor Harun pada 5 November 2016, jam 11.00 pagi hingga jam 12.00 tengahari di WISMA SMC, No 32, Lorong Perda Utama 7, 14000 Bandar Perda, Pulau Pinang.